

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN**  
**TARIKH: 23 JULAI 2014 (RABU)**

<b>Bil</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Akhbar</b>
1	Peluang melihat Delta Aquarids	Utusan Malaysia
2	Penang to be nation's first oyster producer	The Malay Mail
3	Amaran angin kencang dan laut bergelora di Sabah	Bernamea.com

**KERATAN AKHBAR**  
**UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKAS SURAT 26**  
**TARIKH : 23 JULAI 2014 (RABU)**

## Peluang melihat Delta Aquarids

KUALA LUMPUR 22 Julai - Fenomena pancuran hujan meteor Delta Aquarids daripada buruj Aquarius dijangka dapat dilihat di ruang angkasa Malaysia pada 28 dan 29 Julai ini sekitar pukul 10 malam sehingga subuh.

Agensi Angkasa Negara (Angkasa) dalam satu kenyataan di sini hari ini memberitahu, sebanyak 20 juraian meteor dijangka dapat disaksikan dalam tempoh satu jam bagi kedua-dua malam tersebut.

Peluang menyaksikan meteor berkenaan adalah tinggi kerana pada ketika itu langit gelap berikutan bulan masih berada dalam fasa bulan baharu.

"Bagaimanapun, kawasan cerapan perlu dipastikan tidak berawan dan jauh daripada sumber cahaya terang," kata agensi itu yang turut menjelaskan mereka tidak menganjurkan sebarang program khas bagi pencerapan fenomena tersebut.

Angkasa menasihatkan orang ramai yang ingin menyaksikan pancuran hujan meteor Delta Aquarids supaya memilih kawasan lapang dan tidak dilindungi bangunan serta pokok selain kurang gangguan pencemaran cahaya.

Mereka juga dinasihatkan membawa kelengkapan termasuk tikar, ubat nyamuk, makanan dan melaporkan kepada pihak berkuasa lokasi di mana mereka berada.

**KERATAN AKHBAR**  
**THE MALAY MAIL (NEWS) : MUKA SURAT 14**  
**TARIKH: 23 JULAI 2014 (RABU)**

**Penang to be  
nation's first  
oyster producer**

**GEORGE TOWN** — Penang will become Malaysia's first producer of oysters once its rearing project takes off by the end of the year. Balik Pulau MP Datuk Seri Dr Hilmi Yahaya said the pilot project would be undertaken by the Northern Corridor Implementation Authority and the **Malaysian Biotechnology Corporation**. "A 200ha site in Sungai Burung has been identified," Dr Hilmi, who is also deputy health minister, said. With funding of about RM1 million from the Economic Planning Unit, he hoped the project would be a success. "If successful, Penang will be the first local oyster producer as we usually import from countries such as Indonesia and Japan," he said. The project would give a much-needed income boost for villagers in Sungai Burung, who are mainly fishermen. "The project will also generate job opportunities for youths," he said after presenting aid to 120 villagers during the "Kembara Kasih Ramadan" programme at the Balik Pulau Mosque.

BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM  
TARIKH: 23 JULAI 2014 (RABU)



## Amaran Angin Kencang Dan Laut Bergelora Di Sabah

KUALA LUMPUR, 23 Julai (Bernama) -- [Jabatan Meteorologi Malaysia](#) hari ini mengeluarkan amaran angin kencang dan laut bergelora berikutan Taufan Matmo yang dikesan kira-kira 1,908 kilometer ke timur laut Kudat, Sabah pada pukul 2 pagi tadi.

Taufan itu dikesan pada Latitud 23.6U dan Longitud 120.9T yang bergerak ke arah barat laut dari kawasan berkenaan dengan anggaran kelajuan 20 kilometer (km) sejam, menurut kenyataan Jabatan Meteorologi.

Berikutan itu, keadaan angin kencang Barat Daya dengan kelajuan 40 hingga 50 km sejam dengan ombak mencapai ketinggian sehingga 3.5 meter yang sedang berlaku di kawasan perairan Perlis, Kedah dan Kudat di Sabah, Palawan, Reef North, Condore dan Layang-Layang dijangka berterusan sehingga esok.

Keadaan itu berbahaya kepada bot-bot kecil, rekreasi dan sukan laut.

-- BERNAMA